

## **BAB 3 : INSTITUSI ADAT DAN KEPERCAYAAN**

### **3.0 : PENGENALAN**

Adat resam dan sistem kepercayaan merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Kebudayaan adalah cara hidup suatu kumpulan masyarakat (Chase, 1948:61). Menurut E.B. Tylor (1871), kebudayaan ialah keseluruhan cara hidup masyarakat yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang, moral, adat istiadat dan kemahiran lain (Taib, 1987:2). Kroeber dan Klockhohn pula menyatakan bahawa kebudayaan melambangkan pola perlakuan yang dipelajari dan menyampaikan tujuan, fikiran, tradisi serta nilai masyarakat (Taib, 1987:2). Sejajar dengan ini, dapat dirumuskan bahawa adat resam dan sistem kepercayaan adalah cara hidup masyarakat yang dapat menyampaikan idea dan nilai kumpulan tertentu. Ianya secara tidak langsung merupakan tradisi kebudayaan masyarakat yang dikaji.

Selain dari itu, kebudayaan juga membentuk tingkah laku seseorang seperti yang dikatakan oleh John Dewey,

"\_\_\_\_\_ in all seriousness that the part  
played by custom in shaping the behaviour  
of the individual \_\_\_\_\_" (Benedict, 1961 :2)

Adat resam yang diperturunkan dari satu generasi ke

satu generasi memainkan peranan sebagai adat sosialisasi<sup>6</sup>. Adat dan sistem kepercayaan dapat membentuk sentimen yang sama dalam masyarakat itu. Ia memudahkan individu menyesuaikan diri dengan alam semulajadi dan persekitaran seterusnya membentuk perhubungan antara seorang individu dengan individu yang lain dalam masyarakat. Sifat berkenaan berlaku kerana adat dan kepercayaan membentuk pola tingkah laku yang satu dalam masyarakat yang mengamalkannya.

Kedua-dua adat resam dan sistem kepercayaan yang disertai dengan upacara dan ritual tertentu juga merupakan 'rites of passage'<sup>7</sup> dalam masyarakat khasnya masyarakat mudah (simple). Konsep 'rites of passage' digunakan kerana konsep ini mempunyai tiga ciri yang penting, iaitu menunjukkan integrasi individu dengan masyarakat, mempunyai makna simbolik dan moral serta kesedaran kebudayaan (Huntington, 1979:11). Adat perkahwinan dan kelahiran serta kepercayaan dalam kematian adalah 'rites of passage' yang membawa tujuan tertentu yang secara tidak langsung mencerminkan perlakuan individu.

Dalam bab ini, saya akan menumpukan perhatian kepada kesan dan makna adat dan sistem kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Semai di kawasan kajian. Persoalan ditekankan kepada 'mengapa' ia diamalkan supaya dapat menjelaskan mengapa suatu amalan telah dihapuskan atau

6 Sosialisasi adalah istilah psikologi yang bermakna proses pembelajaran dan penyesuaian seseorang di peringkat kanak-kanak.

7 'Rites of passage' adalah konsep yang berasal dari Van Gennep iaitu 'rite de passage' yang diterjemahkan pada tahun 1960.

mengalami perubahan.

### **3.1 Perkahwinan**

Perkahwinan di kalangan masyarakat sama ada masyarakat mudah atau masyarakat kompleks merupakan tahap penting bagi seseorang. Seseorang yang berkahwin menunjukkan bahawa dia telah menjadi orang dewasa yang mempunyai peranan yang lebih luas. Mereka mempunyai tanggungjawab berdikari dan tidak boleh bergantung hidup kepada ibu bapa mereka lagi.

Perubahan individu dan tahap budak-budak kepada orang dewasa dipandang berat oleh semua ahli masyarakat terutama dalam masyarakat mudah. Radcliffe-Brown (1964:27) menyatakan bahawa perkahwinan mempunyai implikasi perpaduan sosial yang melibatkan seluruh anggota masyarakat kerana ia menunjukkan perikatan yang rapat antara dua pihak lelaki dan perempuan. Setiap anggota masyarakat berperanan untuk mengekalkan kebahagiaan pengantin baru tersebut.

#### **3.1.1 Sistem Perkahwinan**

Sistem perkahwinan masyarakat Semai yang paling umum ialah monogami<sup>8</sup> dan kadang-kala poligami<sup>9</sup> diamalkan. Poligami tidak diharamkan tetapi juga tidak digalakkan

---

<sup>8</sup> Monogami ialah perkahwinan seorang suami dan seorang isteri.

<sup>9</sup> Poligami ialah perkahwinan seorang suami dengan lebih dari seorang isteri.

kerana faktor ekonomi. Jika seseorang tidak mempunyai keupayaan untuk menyara hidup lebih dari seorang isteri, dia tentu tidak akan melakukan perkara ini.

Apabila seorang perempuan mencapai umur 17 tahun dan lelaki mencapai umur 18 tahun, mereka akan mula mencari pasangan. Terdapat dua pilihan iaitu suka sama suka dan secara pilihan oleh ibu bapa.

Menurut masyarakat Semai di kawasan kajian sebagaimana yang diceritakan oleh Batin Zainal bin Dollah, terdapat tiga larangan yang perlu diamati sebelum hendak mencari pasangan. Mereka dilarang berkahwin dengan saudara-mara yang mempunyai ikatan darah seperti adik-beradik dan sepupu. Ini dikira perkara yang 'sumoq' atau sumbang.

Perkahwinan antara ahli masyarakat dari kampung yang sama tidak digalakkan. Keadaan tersebut berlaku kerana biasanya dalam satu-satu kampung, masyarakat di situ mempunyai perkaitan persaudaraan. Seseorang lelaki atau perempuan mesti berkahwin dengan orang luar atau yang datang dari petempatan yang berlainan.

Larangan ketiga ialah masyarakat Semai tidak boleh berkahwin dengan kumpulan Negrito. Tegahan tersebut berasaskan kepada perbezaan cara hidup dan bahasa yang digunakan. Orang Asli Negrito asalnya tinggal di kaki bukit (Endicott, 1979:6) dan orang Asli Semai pula tinggal berdekatan atau di bukit (Dentan, 1968:1). Persekutaran yang berbeza mewujudkan adat dan nilai yang berlainan. Perbezaan ini melahirkan jurang antara kedua-dua suku kaum tersebut.

Tetapi masyarakat Semai dibenarkan berkahwin dengan kumpulan Melayu Asli. Kumpulan Melayu Asli yang tinggal di hutan mempunyai cara hidup yang hampir sama. Perkara yang paling digalakkan dalam mencari pasangan ialah antara suku bangsa Senoi iaitu Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Mah Meri dan Samelai. Walaupun bahasa antara suku kaum tersebut mempunyai kelainan, mereka mempunyai cara hidup dan adat serta kepercayaan yang sama.

Apabila seorang lelaki menaruh minat terhadap seorang perempuan, tindakan awal lelaki tersebut ialah pergi ke rumah pihak perempuan dan mereka akan tidur bersama selama tiga malam atau enam malam. Perbuatan ini menunjukkan kepada ahli masyarakat tentang perasaan cinta antara mereka. Ia juga secara tidak langsung menunjukkan keinginan untuk berkahwin. Kebenaran tidur bersama diberi oleh Tok Batin dalam satu majlis khas yang dipanggil 'bercarak'.

Selepas genap tiga malam atau enam malam tidur bersama, waris terdekat yakni bapa atau ibu dari pihak perempuan akan menanyakan pihak lelaki sama ada dia benar-benar cintakan perempuan itu. Kemudian ibu bapa berkenaan memberitahu kepada Tok Batin<sup>10</sup> yang bertujuan meminta kebenaran untuk berkahwin.

Langkah-langkah untuk melangsungkan upacara perkahwinan dilakukan apabila kebenaran telah didapati. Peringkat pertama dikenali sebagai hantar tanda di mana pada masa ini peminangan perempuan itu diadakan. Beberapa orang saudara

10 Tok Batin ialah sebutan Orang Asli yang bersamaan dengan panggilan Penghulu.

dari pihak lelaki berserta dengan Batin akan mengunjungi pihak perempuan. Barang-barang hiasan dan pakaian satu persalinan dihantar kepada pihak perempuan.

Beberapa hari selepas upacara menghantar tanda dilakukan, rombongan tersebut akan mengunjung sekali lagi kampung pihak perempuan mengenai perbelanjaan perkahwinan. Tarikh perkahwinan juga ditentukan.

Perbincangan dilakukan pada waktu malam apabila semua ahli masyarakat selesai melakukan pekerjaan sehariannya. Kebanyakan penduduk kampung akan turut serta dalam sesi perbincangan tersebut khasnya bakal pengantin, ibu bapa dan Batin dari kedua-dua kampung serta beberapa orang yang tua. Yang lainnya hanya sebagai pemerhati sahaja. Tajuk perbincangan adalah berkenaan dengan hari perkahwinan dan mas kahwin atau 'wali'. Batin akan mengetuai perbincangan dan menentukan keputusan. Perbincangan akan diteruskan pada hari berikutnya jika tidak mempunyai kata putus pada hari itu.

Selepas beberapa hari dari tarikh perbincangan kedua-dua pengantin akan bersanding dan jamuan makan diadakan untuk seluruh kampung.

Upacara perkahwinan berlangsung pada waktu malam. Pada hari perkahwinan, jamuan makan malam akan diadakan. Seluruh penduduk kampung khasnya golongan perempuan akan bergotong royong dalam penyediaan makanan. Pengantin, keluarga pengantin dan keluarga Batin akan memulakan upacara makan malam sebelum dibuka kepada ahli masyarakat yang lain.

Jamuan makan adalah untuk semua ahli masyarakat tidak kira budak-budak atau orang tua. Pada hari ini, setiap isi rumah tidak akan memasak.

Upacara bersanding diadakan selepas jamuan makan. Pada mulanya pengantin perempuan dan pengiring masuk ke balai yang telah dihiasi dan orang ramai sedang menunggunya. Pengantin lelaki dan pengiringnya masuk kemudian. Pengantin perempuan diiringi oleh seorang perempuan dan pengantin lelaki diiringi oleh seorang lelaki.


Upacara bersanding dimulakan dengan memberi penawar kepada pengantin dan pengiring. Upacara ini dilakukan oleh bapa dan ibu kepada kedua-dua pengantin, saudara-mara serta kawan-kawan. Penawar itu terdiri dari setangkai 'daun palas' yang direndamkan ke dalam secawan air. Daun palas itu digunakan untuk merenjis air ke tangan, kaki, kepala dan kemudian mata pengantin dan pengiring. Tujuan memberi penawar ialah memastikan pengantin itu sihat, iaitu bebas dari kekacauan kuasa luar biasa.



Gambar 3.1 : Seorang sedang merenjis air penawar kepada pengiring perempuan.

Upacara seterusnya ialah pemberian nasihat yang dilakukan oleh orang tua, Batin dan ibu bapa pengantin dari keduadua pihak. Nasihat yang diberikan berkait dengan mas kahwin dan cara pergaulan antara suami isteri. Pihak yang mengganggu perkahwinan akan hilang mas kahwinnya. Mas kahwin diberi oleh pihak lelaki kepada perempuan dan sebaliknya.

Nasihat yang diberi adalah untuk memastikan kehidupan yang bahagia antara suami isteri. Isteri patut setia dan mengikut suami sama ada suaminya kaya atau miskin. Pihak perempuan tidak dibenarkan mendengar fitnah tentang suaminya. Nasihat yang sama juga diberi kepada pihak pengantin lelaki.



Gambar 3.2 : Batin, orang tua dan ibu bapa pengantin memberi nasihat kepada pengantin baru. Yang lainnya sebagai perhatian.

### 3.1.2 Sistem belanja

Sistem belanja di kalangan masyarakat yang dikenal merupakan satu komponen yang sangat istimewa dan penting dalam sistem perkahwinan. Pembayaran dilakukan oleh pihak lelaki kepada perempuan semasa hari perkahwinan, tetapi ia perlu dibincangkan awal-awal lagi. Sistem belanja tersebut merupakan satu bentuk simbolisme yang menunjukkan betapa bernilainya seorang perempuan itu kepada pihak lelaki.

Pada zaman dahulu, pembayaran dilakukan dengan menggunakan barang-barang keperluan yang boleh didapati dari halaman, misalnya, ayam, babi, monyet, padi dan sebagainya. Barang-barang akan dikumpul sebelum atau sesudah seseorang

bersedia untuk berkahwin. Keadaan tersebut dikaitkan dengan cara hidup masyarakat Orang Asli yang `kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang`.

Selain dari itu, penggunaan barang-barang ini juga berkait rapat dengan sistem ekonomi pada masa itu yang merupakan sistem barter atau sistem pertukaran. Satu komuniti yang tinggal bersama di satu petempatan akan saling bertukar barang terutama dengan komuniti dari petempatan yang lain untuk memperolehi keperluan harian contohnya jagung ditukar dengan daging.

Sistem pertukaran mengalami perubahan setelah penggunaan mata wang diperkenalkan selepas abad ke 18. Hal ini terjadi apabila masyarakat Orang Asli mula berhubung dengan orang luar terutama semasa pemerintahan British di Malaya. Cara pembayaran perkahwinan telah diubahsuai dari bentuk barang kepada bentuk wang.

Sistem belanja terbahagi kepada `belanja tubuh`, `belanja hangus`, `hasil kampung` dan `langkah bendul`. Keempat-empat jenis pembayaran mempunyai perkaitan yang rapat dan mempunyai makna dan implikasi tertentu. Seseorang gadis yang hendak berkahwin terpaksa meninggalkan keluarganya dan tinggal dengan keluarga pihak lelaki. Maka `langkah bendul` bagaikan cukai yang dikenakan kerana berpindah ke rumah lain. `Bendul` adalah tiang rumah utama yang terdapat di setiap rumah orang Asli. Pembayaran mempunyai perbezaan yang sedikit, iaitu `tiga ringgit suku` (\$3.25) kepada anak perempuan Batin, `tujuh suku` (\$1.75)

kepada anak perempuan Setin<sup>11</sup> dan 'lima suku' (\$1.25) kepada anak perempuan orang biasa. Walaupun biasanya pihak perempuan yang berpindah ke rumah pihak lelaki, bakal suami yang membayarkan.

'Belanja tubuh' ialah wang yang akan diserahkan kepada bakal isteri. Ia menentukan status seseorang. Belanja tubuh yang dibayar kepada anak perempuan Batin ialah 'enam puluh tengah tiga' atau \$62.50. 'Tiga puluh lima suku' (\$31.25) untuk anak perempuan Setin dan 'dua puluh lima' (\$25.00) untuk anak perempuan orang biasa.

Sumbangan yang akan diberi oleh keluarga dan kaum kerabat kedua belah pihak untuk menjayakan majlis keramaian yang merasmikan perkahwinan digelar 'belanja hangus'. Saudara-mara akan membahagikan jumlah yang diperlukan antara satu sama lain. Jumlah yang diperlukan oleh anak perempuan Batin ialah 'tiga puluh lima suku' (\$31.25). Anak perempuan Setin memerlukan 'dua puluh lima' (\$25.00) dan 'tengah tiga belas' (\$12.50) untuk anak perempuan orang biasa. Umpamanya jika anak perempuan Setin yang hendak berkahwin mempunyai lima orang saudara perikatan dan begitu juga pada pihak lelaki, setiap orang akan membayar \$2.50 untuk majlis keramaian.

'Hasil kampung' seperti cukai yang perlu dibayar kepada pihak perempuan. Nilai yang diperlukan ialah 'enam ringgit suku' (\$6.25). Ianya merupakan undang Batin. (Sila rujuk Jadual 3.1)

---

11 Setin adalah pembantu kepada Batin.

Jadual 3.1.i.-Sistem-Belanja.

	Belanja tubuh	Belanja Hangus	Hasil Kampung	Langkah Bendul
Anak Batin	\$62.50	\$31.25	\$ 6.25	\$ 3.25
Anak Setin	\$31.25	\$25.00	\$ 6.25	\$ 1.75
Anak orang biasa	\$25.00	\$12.50	\$ 6.25	\$ 1.25

Daripada sistem belanja itu, seseorang yang hendak berkahwin dengan anak perempuan Batin akan memerlukan perbelanjaan \$103.00. Pembayaran wang kepada pihak pengantin perempuan dilakukan beberapa hari sebelum hari perkahwinan. Pengantin perempuan akan menyimpan setengah daripada jumlah yang diberi oleh pengantin lelaki. Wang tersebut digelar mas kahwin. Ia bukan keuntungan yang menyebabkan kekayaan tetapi adalah disimpan untuk kecemasan pada masa depan.

Sebahagian akan diberi kepada ibubapa pengantin lelaki. Adik kepada emak pengantin perempuan akan mengambil bahagian yang sedikit dan menolak bahagian yang lain. Tindakan tersebut sebagai tanda bahawa pihak keluarga perempuan masih mengambil berat tentang kebijakan pengantin perempuan itu.

Selain dari itu, pihak pengantin lelaki juga perlu memberi 'lima suku' (\$1.25) kepada Batin. Pihak Batin akan mengambil bahagiannya sebagai simbol bahawa dia akan mengambil berat tentang kebahagiaan perkahwinan tersebut.

Sistem belanja tersebut merupakan satu bentuk simbolik yang berkait dengan sentimen masyarakat Semai yang mana perkahwinan dilihat sebagai satu upacara yang penting.

### **3.1.3. Perceraian**

Perceraian merupakan suatu perkara yang diambil berat oleh masyarakat. Sistem pendendaan wujud untuk mengurangkan perceraian. Sistem pendendaan yang diamalkan adalah agak berat terutama kepada mereka yang mengahwini anak perempuan Batin. Dendaan adalah berdasarkan sistem belanja yang

dilakukan semasa perkahwinan, iaitu bayaran sebagai mas kahwin yang semakin kurang daripada anak perempuan Batin kepada anak Setin dan anak orang biasa.

Jika perceraian melibatkan anak perempuan Batin, pihak lelaki yang membayar 'belanja tubuh' berjumlah 'enam puluh tengah tiga' (\$62.50) itu akan hangus diambil oleh pihak perempuan.

Tambahan lagi, pihak lelaki perlu membayar 'tengah tiga belas' (\$12.50) kepada pihak perempuan. Jumlah ini adalah untuk menutup malu perempuan. Bayaran yang sama iaitu 'tengah tiga belas' (\$12.50) diberi kepada Batin. Pembayaran kepada Batin adalah disebabkan kesalahan pelanggaran perjanjian yang ditentukan semasa perkahwinan pasangan itu.

Sepanjang tempoh satu tahun selepas berkahwin, pasangan itu tidak dibenarkan bercerai dan pihak lelaki dilarang berkahwin lagi. Sekiranya berlaku perkahwinan dengan mana-mana perempuan lain dalam tempoh itu, Batin di kampung pasangan itu tinggal atau biasanya kampung pihak lelaki akan menjatuhkan hukuman denda sebanyak 'tengah tiga belas' (\$12.50). Wang dendaan tersebut diterima oleh Batin.

Jika penceraian terjadi dalam tempoh satu tahun perkahwinan itu, pihak lelaki perlu membayar denda dua kali ganda 'belanja tubuh' sepertimana yang dibayar semasa perkahwinan. Umpamanya kalau 'enam puluh tengah tiga' (\$62.50) dalam kategori anak perempuan Batin, maka pihak lelaki perlu membayar \$103.00 sebagai denda.

Daripada sistem dendaan tersebut, masyarakat Semai

kurang bercerai kerana mereka mempunyai keupayaan ekonomi yang terhad. Bagi pihak lelaki yang lebih kaya pula, mereka mungkin berkahwin lagi. Misalnya Batin Dollah yang mempunyai dua orang isteri yang tinggal bersama.

### **3.2 Kelahiran**

Masyarakat Semai di kawasan kajian menganggap setiap pasangan pengantin baru mempunyai taraf sosial yang baru kerana mereka akan membentuk satu keluarga yang sendiri. Secara umumnya, setiap perkahwinan akan disertai dengan harapan oleh setiap ahli masyarakat agar generasi baru akan wujud tidak lama lagi. Oleh itu, kelahiran adalah satu peristiwa yang diikuti dengan adat resam yang berbagai.

Di peringkat awal, apabila seorang isteri mula menunjukkan tanda-tanda mengandung, suaminya akan meminta bidan kampung untuk menentukan sama ada isterinya benar-benar mengandung. Jika isteri itu mengandung, bidan perlu memandikannya dengan air bunga supaya anaknya selamat dilahirkan kelak.

Sesecrang isteri yang mengandung kurang keluar dari rumah dan terdapat pantang-larang yang dikenakan. Kesemua ini perlu diikuti olehnya untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku ke atasnya.

### **3.2.1 Pantang-larang / Pynas**

Kelahiran dipandang sebagai satu peristiwa yang wajib dilakukan dengan berhati-hati supaya dapat meneruskan nisab.

Tugas penerusan generasi secara tidak langsung menunjukkan kepentingan pihak wanita. Kenyataan tersebut berdasarkan pantang-larang yang terdapat sejak seseorang berbadan dua (mengandung).

Pantang atau 'punan' (dalam bahasa Semai) adalah bahagian yang paling penting semasa mengandung. Ia merupakan 'incest taboo' dan juga merupakan satu dorongan universal (Malinowski, 1927:251). Setiap masyarakat mempunyai pantang larangnya yang tersendiri dan begitu juga di kalangan masyarakat Semai.

Unsur 'incest taboo' semasa mengandung merupakan prinsip moral seperti yang dikatakan oleh Solomon Reinach (Lessa, 1971:254). Keterangan tersebut dapat diaplikasikan di kalangan masyarakat Semai kerana pantang diamalkan dari satu generasi ke satu generasi yang dapat mengawal masyarakat. Pantang tersebut telah membentuk 'paradigm' atau rangka fikiran kepada masyarakat bahawa seseorang yang mengandung akan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

Malinowski (1929:228) menyatakan bahawa pantang ini wujud kerana ketakutan dan keimbangan ibu terhadap keselamatan anaknya. Pendapatnya betul dan tepat di kalangan masyarakat Semai kerana tujuan akhir pantang ialah memastikan kelahiran itu selamat dan anak yang sihat. Kebimbangan ibu terhadap anaknya akan hilang apabila dia mengamalkan pantang itu.

Di kalangan masyarakat yang dikaji, seseorang yang mengandung mempunyai empat aspek penting dalam pantangnya.

Keempat-empat aspek itu ialah pegang, langkah, lihat dan makan. Pantang makan merupakan perkara yang paling dititikberatkan.

Makanan yang tidak boleh dimakan semasa mengandung ialah kura-kura, rusa, beruk, telur ayam dan ayam, ikan yang kena jala serta buah yang akar atau rantingnya tersangkut. Larangan itu masing-masing mempunyai sebabnya yang tersendiri.

Kura-kura tidak boleh dimakan kerana mereka takut kepala anak dalam kandungan masuk ke dalam seperti kura-kura. Perkara itu akan menyebabkan kesusahan dalam kelahiran. Kaki rusa adalah kurus dan kalau dimakan akan menyebabkan sawan dan menyebabkan kaki anaknya kelak tidak bertenaga. Daging beruk dilarang makan kerana dipercayai anak yang dilahirkan akan berperangai seperti beruk. Telur ayam dan ayam dilarang seseorang yang mengandung dari memakannya kerana dikhawatirkan anak yang dilahirkan nanti tidak normal terutama dari segi matanya. Seseorang yang mengandung adalah dilarang memakan ikan yang kena jala dan buah yang akar atau rantingnya tersangkut untuk mengelakkan anak dalam kandungan dari tersangkut dan susah untuk dilahirkan.

Pantang dari segi langkah adalah berkait dengan mana seseorang dilarang melangkah akar kayu yang bengkok-bengkok, sebab bimbang akan akibatkan kesusahan dalam kelahiran. Kesan dari ini, seseorang yang mengandung tidak akan keluar dari rumah terutama masuk ke hutan.

Ular tidak boleh dibunuh oleh bakal ibu kerana tindakan tersebut akan menyebabkan anaknya mempunyai kulit yang bersisik seperti ular.

Seseorang yang mengandung juga tidak boleh melihat burung hantu sebab burung ini dipercayai adalah hantu. Larangan juga ditekan dalam melihat bulan gerhana kerana semasa bulan gerhana, hantu-hantu akan berkeliaran terutama hantu pontianak. Hantu-hantu pontianak sangat ditakuti oleh bakal ibu. Sasaran utama hantu pontianak adalah mereka yang akan bersalin.

### **3.2.2\_\_Bersalin**

Masyarakat Semai yang dikaji gemar bersalin di rumah. Keadaan tersebut wujud kerana persalinan adalah bahaya berkait dengan kuasa luar biasa dan hanya bidan yang mempunyai kuasa untuk bertentangan dengan kuasa tersebut. Setiap kampung sekurang-kurangnya mempunyai seorang bidan yang mahir dalam hal persalinan. Bidan merupakan orang yang ketiga berpengaruh selain daripada 'hala' (bomoh) dan Batin. Bidan mempunyai hubungan rapat dengan 'hala' yang tahu mengendali dengan kuasa luar biasa. Di kawasan kajian terdapat empat orang bidan kerana petempatan ini agak besar.

Semasa hampir dengan masa untuk bersalin, bakal ibu akan ditempatkan di satu tempat khas yang biasanya berdekatan dengan dapur atau di bahagian dapur jika dapurnya besar. Tempat khas tersebut menyenangkan bidan menguruskan anak dan tinggal di situ selama tujuh hari. Ia juga

mudahkan ibu untuk makan dan mandi semasa dalam pantang selama 40 hari.

Apabila ibu itu semakin hampir dengan masa bersalin, ahli keluarganya akan meminta bidan di kampung. Hal ini tidak boleh diheboh-hebohkan kerana bimbang adanya pontianak yang akan menjelma sebagai bidan. Pontianak ini akan memakan uri dan menyebabkan kematian anak yang baru. Pemalsuan bidan hanya akan diketahui selepas tragedi demikian berlaku.

Bila bayi telah dilahirkan, tali pusat akan dipotong dengan sembilui buluh. Selepas dipotong, hujung tali pusat dibubuh arang yang telah dijampi untuk menghentikan darah.

Uri disimpan dalam satu tong dan diletak di hujung dapur sehingga ia menjadi keras. Selepas itu, uri yang keras ini dibuang atau dibiarkan sahaja di hujung dapur. Tindakan tersebut bertujuan mengelakkan uri dimakan oleh pontianak.

Selepas melahirkan anak, tungku atau batu yang suam diikat di pinggang ibu. Ibu diberi makanan panas seperti bubur yang telah dijampi oleh bidan. Bayi dicuci dengan air yang suam. Akhirnya bayi dan ibu akan diberi tangkal yang telah dijampi supaya tidak diganggu oleh 'nyanik'<sup>12</sup>.

Hadiah berupa pengeras yang dinamakan 'sekok' diberi kepada bidan selepas ibu selamat melahirkan anaknya. Ibu dan anak yang telah selamat itu akan memberi penghormatan kepada bidan dengan menggelarnya 'tuhat'

Semasa ibu bersalin, semua ahli masyarakat akan datang mengunjungi, melihat dan menolong keluarga itu. Namun,

<sup>12</sup> 'Nyanik' adalah sejenis hantu yang menyebabkan kematian seseorang. (Keterangan kanjut sila lihat 3.3.1).

selepas itu orang kampung yang lain akan cuba menjauhi ibu, bayi dan bidan itu selama tujuh hari.

Dalam masa pantang(40 hari), ibu dan anaknya dilarang memakan makanan seperti yang tidak boleh dimakan semasa mengandung. Larangan ini adalah untuk memastikan bayi itu selamat dan sihat.

Dalam tempoh berpantang, bayi dijaga dengan teliti oleh ibunya. Bayi biasanya tidur dengan ibu di lantai atau katil. Jikalau ibu meninggalkan anaknya, sebilah parang perlu diletak di tepi bayi atau di bawah katil untuk menguatkan semangat bayi dan menghalau 'nyanik'. Kalau bayi tidur atas buaian, selalunya digantung ekor landak atau sejenis kulit buah 'kulim' di kedua-dua hujung buaian. Ekor landak dan buah 'kulim' akan berbunyi seperti loceng jika digoyang. Bunyi tersebut dapat menghalau 'nyanik' dan pontianak. Cara yang lain ialah meletakkan pisau dan parang di bawah buaian bayi itu. Tujuan utama kesemua tindakan tersebut ialah memastikan keselamatan bayi yang baru lahir.

Hubungan antara bidan dan anak adalah rapat, misalnya jika bidan sakit, anak itu juga dijangka akan sakit. Sebaliknya kuasa bidan dianggap telah berkurang kalau anak itu sakit. Oleh yang demikian, ibu perlu menjaga anak dengan teliti supaya 'ruai'<sup>13</sup> bidan tidak menghalau 'ruai' anak yang lemah.

Memandangkan betapa lemahnya anak dan ibu, maka terdapat kepercayaan terhadap tangkal untuk memastikan

<sup>13</sup> 'Ruai merupakan roh seseorang (Keterangan lanjut sila lihat 3.3.1).

keselamatan anak itu.

### 3.2.3--Tangkal

Pemakaian tangkal di kalangan masyarakat Semai adalah agak istimewa. Kepercayaan terhadap tangkal dikira sebagai sejenis kepercayaan animisme yang dikekalkan walaupun seseorang telah menganut agama tertentu. Pemakaian tangkal dipercayai dapat mengelakkan 'nyanik' yang menyebabkan kedua-dua ibu dan anak dari sakit.

Terdapat tiga cara tertentu untuk memakai tangkal. Selepas kelahiran, bayi akan dipakaikan tangkal di leher dan sebelah kiri atau kanan tangan dan kaki. Tangkal juga boleh dipakai di kedua-dua belah tangan, dua belah kaki dan di pinggang. Cara ketiga ialah letakkan bedak yang telah dijampi di bahagian dahi, belakang badan, dua belah tangan dan dua belah kaki. Penggunaan bedak adalah untuk menggantikan penggunaan tangkal. Ia kurang diamalkan melainkan pada hari pertama kelahiran.

Pemakaian tangkal oleh ibu adalah berbeza daripada anaknya. Tangkal dipakai di bahagian leher dan sebelah tangan sahaja.

Tangkal adalah diperbuat daripada benang hitam yang digulung seperti tali yang halus. Warnanya adalah hitam. Tangkal dipakai oleh ibu dan anak selama setahun atau sehingga putus.



Gambar 3.3 : Anak Leha binti Balas yang hanya lapan bulan memakai tangkal di bahagian lehernya.

### 3.2,4 Mandi Pancur

Mandi pancur merupakan satu upacara yang diadakan apabila anak yang belum berumur setahun itu sakit atau kurang sihat. Upacara tersebut diadakan juga jika salah seorang dari ibu atau bidan tidak sihat dalam tempoh selepas kelahiran. Upacara mandi pancur termasuk pemujaan 'nyanik'.

Upacara ini memerlukan empat, lima atau tujuh batang buluh yang panjangnya lima kaki (5"). Pewarna diperlukan untuk mencantikkan buluh tersebut. (Sebenarnya warna ini mempunyai makna tertentu, tetapi kekurangan pengetahuan oleh responden). Warna itu adalah merah, putih dan hitam. Warna merah didapati dari buah kerumbur. Warna putih dan hitam pula didapati dari kapur dan arang masing-masing. Minyak digunakan sebagai pelarut untuk memperolehi warna-warna itu.

Lapan jenis tumbuhan diperlukan ialah daun 'lebak', akar kayu wangi, daun pengkeras, bunga 'carang', daun 'serai aceh', daun 'kemayi', daun bunga bembus dan kayu 'sour' atau 'sekna'. Tumbuhan-tumbuhan itu dimasukkan ke dalam buluh.

Selain dari itu, sebuah mangkuk digunakan untuk membubuh bahan-bahan seperti daun pemulih, daun 'sambaur', daun 'tabar' atau 'daun nilam', daun pandan dan bedak wangi.

Selepas mendapat semua jenis bahan itu, bahan-bahan dalam mangkuk dimasukkan ke dalam buluh yang telah diukir dan diwarnakan dengan pewarna yang tersedia. Kemudian lapan jenis tumbuhan dicampur air dan dimasukkan lagi ke dalam buluh itu. Sesudah dimasukkan kesemua jenis bahan itu, buluh disumbat.

Setelah 'pancur' ini selesai dibuat, anak, ibu dan bidan akan berdiri di bawah 'pancur' itu. Apabila penutup buluh dibuka, air dan berbagai jenis tumbuhan akan terpancut keluar serentak dan ini dinamakan 'mandi pancur'.

### **3.3 Kematian**

Dalam bidang antropologi, upacara kematian berkait rapat dengan kehidupan sosial. Upacara kematian bukan sahaja menggambarkan nilai sosial, malah merupakan unsur penting yang membentuk nilai sosial masyarakat. Kematian adalah salah satu 'rites of passage' dalam lingkaran hidup seseorang (Rosenblatt, 1976:98). Helt mengatakan bahawa kematian adalah situasi yang melibatkan perubahan raksasa individu melalui sistem sosial (Goody, 1962:27).

Kepercayaan terhadap kematian adalah tumpuan utama dalam perkembangan awal agama. Tokoh-tokoh antropologi seperti E. Durkheim, James Frazer dan E.B. Tylor masing-masing mengembangkan persoalan kematian dalam kewujudan agama. Durkheim mengutamakan ketakutan dan khayalan individu sebagai asas pembentukan agama (Huntington, 1979:7). Frazer dan Tylor menggunakan isu kematian sebagai jawapan kepada asas dan sifat agama (Huntington, 1979:7). Misalnya teori animisme yang dikemukakan oleh Tylor merangkumi ciri roh dan semangat (Lessa, 1971:12). Dengan itu, reaksi masyarakat kepada isu kematian adalah sumber pembentukan agama. Ketakutan kepada kematian menyebabkan kebangkitan persoalan-persoalan dan penyelesaian kepada perkara ini.

Pada amnya, kematian adalah masa di mana perpaduan sosial atau 'social solidarity' ditunjukkan. Masyarakat akan melahirkan emosi yang berlainan antara satu sama lain kerana individu atau ahli masyarakat mengambil berat tentang kehilangan seseorang dari komunitinya. Kematian merupakan satu fenomena yang mana seseorang kehilangan objek kesayangannya.

Malinowski (1954:52) mengatakan bahawa kematian menggongangkan kehidupan moral masyarakat (*shakes the moral life of the society*). Pendekatan beliau benar kerana semasa kematian berlaku, ahli masyarakat akan sekali lagi memperbarui hubungan sosial, memperkuatkan ikatan sosial dan membentuk semula pandangan dunia (*world-view*) yang sebenar. Di kalangan masyarakat Semai, kepercayaan yang diturunkan

diperkuatkan lagi dan merangsang masyarakat terutama generasi muda semasa kematian seseorang.

Ahli masyarakat akan bersatu-padu sekali lagi kerana mereka mempunyai kepercayaan tentang 'ketmoid'. Ketakutan kepada pengancaman 'ketmoid' secara tidak langsung menghasilkan perpaduan sosial. Masyarakat terpaksa berhenti kerja dan mengunjungi keluarga si mati sebagai misalannya.

Tambahan lagi, perkabungan merupakan pengalaman seorang manusia (Rosenblatt, 1976:1). Kematian menyebabkan kaum kerabat melakukan perkabungan. Keadaan tersebut menyedarkan masyarakat tentang persoalan mengenai roh dan mati. Nilai hidup dan nilai sosial masyarakat seterusnya diperbarui.

### 2.3.1 \_\_\_Kepercayaan\_berkait\_dengan\_kematian

Kepercayaan kepada hantu adalah umum dan ia merupakan satu kepercayaan yang sejagat. Setiap kelompok manusia mempunyai kepercayaan yang tersendiri mengenai kematian. Ianya merupakan satu fenomena yang hanya dapat ditafsirkan melalui unsur-unsur kepercayaan terhadapnya. Dentan telah mengemukakan enam unsur kepercayaan - masyarakat Semai terhadap pembentukan manusia. Unsur-unsur berkenaan turut berkait dengan hidup mati seseorang (Dentan, 1970: 82-3). Enam unsur yang dikatakan ialah 'ruai', 'kaloog', 'sengii', 'lehem', 'sekoo' dan 'nadi' yang membentuk komponen manusia.

'Ruai' adalah roh seseorang. Kehilangan 'ruai' dari badan manusia khasnya pada waktu malam akan mengakibatkan seseorang menjadi sakit. Semangat yang mempengaruhi aktiviti

seseorang adalah 'kaloog'. Kehilangan 'kaloog' akan menyebabkan penyakit yang lebih serius daripada kehilangan 'ruai'. Jikalau 'kaloog' lenyap lebih dari satu atau dua minggu, pesakit itu akan mati. 'Ruai' dan 'kaloog' merupakan bahagian terpenting kerana kedua-dua ciri ini menentukan hidup atau matinya seseorang.

'Sengii' adalah fikiran seseorang yang dapat memberi kesedaran kepada manusia. Pernafasan manusia pula dibentuk dari 'lehem' yang juga memberi perangsang kepada seseorang untuk bertindak. 'Sekoo' adalah kesihatan atau kesakitan yang dapat diperlihatkan dari air muka. 'Nadi' pula merupakan bahagian yang mempengaruhi seseorang untuk bertindak.

Keenam-enam komponen tersebut merupakan komponen yang menghidupkan seseorang. Sebaliknya, 'nyanik' pula ialah kepercayaan semangat jahat yang sentiasa menjadi agen kepada penyakit. Seseorang yang sakit dikatakan mempunyai 'nyanik'.

'Hala' atau bomoh merupakan orang perantaraan antara semangat jahat dan manusia. Apabila seseorang sakit, 'hala' akan menghantar 'ruai' untuk mencari 'nyanik' kerana hanya 'ruai' yang dapat melihat 'nyanik'. Kalau 'ruai' gagal mencarinya, seseorang itu akan mati.

Jika terdapat kes kematian di sebuah kampung, ahli masyarakat tidak akan melakukan sebarang kerja seperti menebas, menebang, membina rumah. Semua aktiviti sehari-hari terhenti. Tindakan tersebut adalah berdasarkan kepercayaan bahawa roh si mati akan menegur dan menganiayai seseorang

yang melakukan sebarang kerja itu. Seseorang yang melanggar pantang tersebut akan mendapat kemalangan.

Semasa berlakunya kematian, setiap ahli masyarakat di kampung diberitahu. Mereka harus mengunjungi rumah si malang itu sebagai tanda berkabung. Mereka yang datang tidak dibenarkan memakai pakaian baru, bersolek dan menyikat rambut. Di pintu depan rumah si malang akan digantung ikatan daun yang digelar 'kuwar' yang menunjukkan pantang. Sebenarnya ikatan daun mula digantung bila adanya orang sakit.

### **3.3.2 Upacara\_Pengebumian**

Upacara pengebumian merupakan ritus yang dramatik kepada kebanyakan masyarakat dan demikian juga masyarakat Semai. Geertz (1960:72) menggambarkan upacara pengebumian Orang Jawa sebagai

"a calm, undemonstrative, almost languid letting go, a brief ritualized relinquishment of a relationship no longer possible."

Masyarakat Semai yang dikaji boleh dikatakan bertentangan dengan gambaran Geertz. Masyarakat Semai mempunyai amalan yang kompleks dan kematian merupakan suatu fenomena yang menggantarkan.

Badan orang mati diletak atas tikar. Si mati dibersihkan dan dibubuh bahan pewangi. Kemudian si mati akan dibalut dengan kain kepunyaannya yang paling cantik dan

tikar baru.

Sekalian yang hadir terutama kaum kerabat kepada si mati akan menangis sambil menceritakan kelakuan si mati sewaktu hidup. Peristiwa-peristiwa yang baru atau lama mengenai si mati akan diceritakan.

Sambil anak cucu membersihkan badan orang mati untuk pengebumian, kaum kerabat dan jiran golongan wanita akan membantu dalam hal kerja rumah dan menjaga budak-budak. Manakala golongan lelaki akan pergi ke petempatan yang lain jika terdapat saudara mara di situ. Dua atau tiga orang lelaki akan mengorek lubang yang sedalam lima atau enam kaki. Setelah mengorek lubang, salah satu daripada mereka dimestikan menjaga di situ. Tindakan tersebut adalah untuk mengelakkan lubang itu penuh semula dengan tanah atau sampah oleh hantu.

Urusan pengebumian dilakukan sesudah anak-anak si mati berada di sisinya. Sekiranya terdapat anak cucu yang tidak hadir pada hari itu, pengebumian akan ditangguhkan selewat-lewatnya sehari lagi.

Kesemua ahli masyarakat dari petempatan si mati wajib menghadiri upacara pengebumian kecuali kanak-kanak. Kanak-kanak dilarang menghadiri upacara tersebut kerana mereka mungkin akan membawa balik semangat yang jahat. Kebanyakan lelaki dan sebilangan kecil wanita akan pergi ke tempat kubur. Saudara terdekat si mati seperti bapa, anak, abang atau adik si mati akan tinggal di rumah dengan saudara perempuan si mati.

Tempat pengebumian adalah berdasarkan cara kematian seseorang. Jika seseorang mati di luar rumah, dia akan dikebumikan di tempat matinya. Contohnya kalau seseorang mati di hutan, dia akan dikebumikan di hutan. Sekiranya seseorang mati dibunuh, pemujaan roh akan dilakukan di tempat itu supaya hantu tidak mengacau dan rohnya pergi ke dunia lain.

Sebelum mayat dibawa ke kubur, ahli keluarga si mati perlu melalui bahagian bawah mayat itu supaya 'bau' si mati dipulangkan. Jika langkah ini tidak dilakukan, dipercayai si mati akan mengikut orang itu.

Golongan lelaki akan memikul mayat. Kalau budak kecil yang mati, bapanya akan memikulnya sendiri.

Sebelum meletakkan mayat ke dalam lubang kubur, tiga puntung api dinyalakan di bahagian kepala kubur dan begitu juga di bahagian kaki kubur. Api adalah bertujuan menghalau semangat jahat dari kubur. Serentak dengan itu, mayat dikeluarkan dari balutan tikar dan kain untuk dimandikan lagi. Apabila mayat telah dicuci, ia dimasukkan ke lubang kubur bersama-sama dengan barang kepunyaan si mati. Setengah barang yang kurang berharga hanya diletakkan di atas kubur.


Mereka yang menghadiri upacara pengebumian tidak dibenarkan melihat penutupan lubang kubur yang dikatakan mendatangkan sial. Oleh itu, mereka akan berpaling kepala ke arah lain. Tanda bahawa terdapat orang lagi yang akan mati dari petempatan yang sama kelihatan jika terdapat tanah

yang berlebihan.

Langkah seterusnya ialah meletakkan tanah yang dijadikan bulat disekeliling kubur. Tanah tersebut boleh digantikan dengan kain dan buluh atau kulit kayu yang telah dipotong kecil. Sebuah pelindung akan dibina untuk mengelakkan dari hujan selama enam hari.

Di atas dan sekeliling kubur juga dinyalakan api. Api tersebut perlu terus bernyala selama enam hari. Untuk mencapai tujuan tersebut, arang yang telah bernyala dan daun-daun digunakan. Arang dan daun ini perlu dinyala oleh ahli keluarga si mati. Perlakuan menyala api adalah untuk memberitahu si mati bahawa dia telah meninggal dunia.

Setiap petang selama enam hari ahli keluarga si mati perlu menghantar makanan dan letakkan di atas kubur. Di rumah si mati juga diletakkan makanan di muka pintu depan kerana dipercayai roh si mati masih berkeliaran lagi.



Gambar 3.4 : Gambar menunjukkan sebuah bekas yang meletak makanan di kubur.

### 3.3.3 Selepas Upacara Pengebumian

Selepas pengebumian dilakukan, tempoh bahaya pun bermula di petempatan itu.

Masyarakat Semai percaya bahawa sebahagian atau bayang-bayang si mati akan menjadi 'ketmoid'. 'Ketmoid' adalah sama dengan 'nyanik' yang tidak mempunyai bentuk tertentu dan mempunyai ciri-ciri bertentangan dengan manusia. Mangsa 'ketmoid' biasanya merupakan ahli keluarga si mati yang sakit. 'Ketmoid' bergerak di rumah dan di hutan.

Untuk mengelakkan bahaya 'ketmoid' petempatan di tinggalkan ataupun berpindah ke petempatan baru di seberang sungai. Dipercayai bahawa 'ketmoid' tidak dapat menyeberang sungai. Berdasarkan sebab ini, tanah perkuburan masyarakat Semai terletak di kawasan seberang sungai. Ada juga yang membakar rumah bila berlaku kematian dari ahli keluarganya.

Selain dari itu, pasir yang telah dijampi oleh 'hala' ditaburkan ke rumah si mati untuk mengelakkan hantu yang menyebabkan kematian. Cara tersebut dapat membutakan hantu itu. Tangga rumah si mati juga diletakkan pokok mengkuang yang berduri di sebelah kiri dan kanan. Duri mengkuang dapat menakutkan hantu dengan mencucuk hantu itu jika hantu itu masuk ke rumah si mati lagi.

Setiap orang budak yang berumur 12 tahun ke bawah perlu dibubuh kapur putih yang dijampi di bahagian telinga dan arang yang hitam yang telah dijampi dibubuh bahagian kening. Tindakan berkenaan dipercayai dapat mengelakkan budak-budak daripada dilihat oleh 'ketmoid' si mati. Tindakan ini juga

dapat menghindarkan budak-budak daripada teringat akan si mati dan memimpikan si mati.

Malam ke enam selepas kematian adalah paling bahaya. Pada malam tersebut, tahulah si mati itu bahawa dia telah meninggal dunia. Tambahan lagi, pada malam ke enam juga roh si mati akan pupus. Keadaan demikian menyebabkan si mati berasa sedih dan cuba untuk menyelamatkan diri. Maka dipercayai si mati akan memberontak.

Selepas enam hari yang bahaya, kenduri akan diadakan. Tempoh berkabung diteruskan hingga sebulan. Dalam tempoh berkabung, ahli masyarakat tidak dibenarkan menyanyi, menari, memainkan alat musik dan segala majlis keramaian. Golongan perempuan dilarang bersolek dalam tempoh berkabung.

Apabila tempoh berkabung tamat, majlis keramaian yang dipanggil 'bukak Tenamoh' atau kenduri membuka pantang diadakan selama enam hari dan enam malam. Berbagai pertunjukkan seni seperti sewang<sup>14</sup>, tarian tradisional melalui upacara 'berkebut' akan dipersembahkan.

#### 3.4 Perubahan yang berlaku dalam adat dan kepercayaan

Setelah mengetahui serba sedikit tentang adat dan kepercayaan dalam perkahwinan, kelahiran dan kematian di kalangan masyarakat Semai, kita akan mengkaji apa yang mereka praktikkan dalam keadaan yang sebenar.

---

14 Sewang adalah suatu upacara tradisional yang ditunjukkan pada hari-hari istimewa. Ia merangkumi tarian dan lagu.

Adakah masyarakat Semai yang dikaji masih mengamalkan unsur-unsur yang dipusakai dengan turus hati atau mereka telah mengubahsuaikan dengan persekitaran yang realiti?

### **3.4.1 Perkahwinan**

Daripada perhatian di kawasan kajian, didapati perubahan telah berlaku dalam adat istiadat perkahwinan.

Sistem perkahwinan masyarakat Semai kini mirip dengan cara perkahwinan masyarakat Melayu. Pasangan pengantin akan bertunang dan selepas itu bersanding. Mereka memakai baju kurung dan songkok dalam upacara perkahwinan. Bagi golongan yang agak berada pula akan memakai kain songket dalam upacara perkahwinan.

Larangan dalam mencari pasangan telah pupus. Perkahwinan campur dengan kaum yang lain seperti kaum Melayu dan Cina menjadi perkara biasa bagi masyarakat Semai. Mereka tidak lagi mementingkan perkahwinan dengan orang dari petempatan yang lain atau suku bangsa yang lain. Dalam kes yang dapat diperhatikan di kawasan kajian ialah perkahwinan antara mereka yang berasal dari kampung yang sama, malah tinggal berdekatan sahaja dalam kampung yang besar ini.

Lelaki berkenaan dikatakan telah agak lama tinggal di rumah pihak gadis. Oleh itu, tradisi tidur bersama selama tiga atau enam malam telah pupus. Tambahan lagi, pihak lelaki terus tinggal bersama keluarga pihak perempuan selepas berkahwin.

Dari segi sistem belanja pula, ibu bapa kepada

pengantin yang menentukan bayaran dan bukannya Batin.

Batin yang menjadi perwakilan tidak semestinya berasal dari kampung pihak lelaki. Kalau terdapat saudara-mara yang menjadi Batin, maka Batin yang mempunyai ikatan darah dengan pihak lelaki atau perempuan lebih berkuasa dalam membuat keputusan dalam perbincangan.

Sistem belanja tidak lagi dibahagi kepada kategori anak Batin, anak Setin dan anak orang biasa. Satu kategori yang am telah wujud, iaitu 'belanja tubuh' berjumlah 'dua puluh lima' (\$25.00), 'belanja hangus' ialah 'tengah tiga belas' (\$12.50), 'hasil kampung' adalah 'enam ringgit suku' (\$6.25) dan 'langkah bendul' ialah 'tiga ringgit suku' (\$3.25). Kewujudan kategori tersebut secara tidak langsung menunjukkan status setiap ahli masyarakat adalah sama. Imej Batin dan Setin telah luntur di kalangan masyarakat (Sila rujuk Jadual 3.2).

Mas kahwin tersebut di bayar oleh kedua-dua pihak pengantin secara bertukaran. Mas kahwin juga ditambah lagi dengan wang sebanyak \$600, \$800 atau \$1000 dari pihak lelaki kepada pihak perempuan. Sebahagian daripada wang tersebut dikeluarkan dari pihak perempuan untuk belanja jamuan makan kepada seluruh kampung.

Jadual 3.2.i Perbandingan Sistem Belanja.

	Tradisional	Kini	
	Anak Batin	Anak Setin	Anak orang biasa
Belanja Tubuh	\$62.50	\$31.25	\$25.00
Belanja Hangus	\$31.25	\$25.00	\$12.50
Hasil Kampung	\$ 6.25	\$ 6.25	\$ 6.25
Langkah Bendul	\$ 3.25	\$ 6.25	\$ 1.25

Dendaan cerai bertambah dari 'tengah tiga belas' (\$12.50) kepada 'dua puluh lima' (\$25.00). Dendaan Batin kepada lelaki atau perempuan yang melanggar perjanjian perkahwinan ialah \$63.00 dari \$12.50 (tengah tiga belas) sebelumnya. Terdapat dua kemungkinan dalam pertambahan dendaan cerai. Yang pertama ialah kerana perceraian selalu berlaku, maka pihak Batin perlu meningkatkan nilainya untuk mengurangkan perceraian. Kemungkinan kedua pula merupakan keupayaan ekonomi masyarakat yang lebih baik.

Di antara pengaruh yang paling jelas ialah pada akhir upacara perkahwinan. Budak-budak atau pemuda-pemudi menari dengan rentak 'rock'. Masa tersebut juga merupakan masa yang dinanti-nantikan oleh setiap orang remaja dalam menghadiri upacara perkahwinan.



Gambar 3.5 : Pengantin memakai baju Melayu dan cermin mata hitam sebagai pengaruh luar.

### 3.4.2 Kelahiran

Walaupun adat dan pantang dalam kelahiran kelihatan begitu disegani dan dihormati, pengaruh perubahan telah dapat merubahnya. Perubahan yang berlaku adalah dalam aspek dalaman seperti pantang-larang semasa mengandung. Bersalin di hospital masih kurang lagi. Keadaan berkenaan disebabkan oleh faktor kemudahan pengangkutan yang sulit dan kepercayaan kepada kuasa luarbiasa. Di kalangan masyarakat yang dikaji, hanya terdapat dua orang ibu yang bersalin di hospital pada tahun 1991 dari bulan Januari ke April.

Namun secara keseluruhannya, terdapat penambahan bilangan yang sudi bersalin di hospital. Pada tahun 1990 hanya terdapat enam orang yang bersalin di Pusat Kesihatan Kecil Tanah Rata tetapi dalam empat bulan pertama tahun 1991 telah terdapat sepuluh orang ibu yang bersalin di situ. Kadar tersebut menunjukkan penambahan lebih dari setengah.

### Jadual 3.3 : Bersalin di Pusat Kesihatan Kecil, Tanah Rata (1989 - 1991/April)

Tahun	Bilangan
1989	7
1990	6
1991/April	10

Sumber : Pusat Kesihatan Kecil, Tanah Rata, Cameron Highlands.

Dari segi pantang larang semasa mengandung, pantang

makan telah dihapuskan. Ibu yang bersalin hanya akan pantang makan dalam masa 40 hari selepas bersalin. Perubahan demikian adalah berasal daripada pengaruh luar. Masyarakat tidak lagi memperolehi makanan dari hutan tetapi dari pasar atau pemborong-pemborong.

Terdapat juga perubahan dari segi pemodenan semasa bidan menyambut anak. Tali pusat tidak lagi dipotong dengan sembilui buluh tetapi dengan pisau cukur. Uri pula disimpan sehari sahaja kemudian dibuang, dibakar atau ditanam. Mereka tidak lagi menitikberatkan kepercayaan pontianak yang akan memakan uri tersebut.

Anak yang baru lahir mempunyai semangat yang lemah dan dia perlu dijaga dengan teliti. Meskipun demikian parang, ekor landak dan buah 'kulim' tidak lagi digunakan untuk menghalau semangat yang jahat. Keadaan tersebut berlaku kerana masyarakat yang dikaji tidak lagi kerap pergi ke hutan, maka ekor landak dan buah kulim tidak mungkin diperolehi.

'Mandi pancur' bertujuan memandikan mana-mana ibu, bidan atau anak yang sakit jika dalam tempoh kurang dari setahun tidak lagi dipraktik. Kini, kalau terdapat apa-apa kesakitan, mereka akan berjumpa doktor atau pergi ke pusat-pusat kesihatan.

Daripada apa yang dinyatakan itu, sebab utama masyarakat Semai tidak lagi mengamalkan setengah-setengah amalan adalah kerana mereka tidak menekankan kepentingan amalan tersebut. Mereka telah tidak lagi percaya kepada hal

demikian sama ada di antara generasi muda atau generasi tua.

### 3.4.3 Kematian

Unsur-unsur kepercayaan dalam kematian tidak lagi begitu kompleks seperti dahulu kala. Unsur-unsur tersebut telah dipermudahkan.

Apabila terdapat kes kematian di satu-satu petempatan, hanya keluarga si mati sahaja yang hentikan segala pekerjaan dan aktiviti. Ahli masyarakat yang lain masih meneruskan kegiatan harian kerana kebanyakannya adalah makan gaji.

Tempoh perkabungan yang sebelum ini adalah sebulan telah dikurangkan kepada sehari. Tidak terdapat perkabungan jika si mati itu adalah seorang budak. Tidak adanya perkabungan secara langsung menghapuskan 'bukak Tenamoh' dan 'berkebut'.

Masyarakat Semai kini membuat keranda untuk si mati dan tidak hanya dibalut dengan kain dan tikar. Keranda yang dimaksudkan adalah ringkas dan mudah sahaja.


Seperti yang telah dinyatakan bahawa rumah akan ditinggalkan atau dibakar kerana takutkan ancaman 'ketmoid'. Namun, pada ketika ini, khasnya selepas mendapat rumah-rumah kerajaan, tindakan tersebut dihapuskan. Mereka masih lagi tinggal di rumah dan petempatan yang sama. Misalnya, Batin Zainal masih tinggal di rumah yang sama walaupun datuk dan bapanya pernah meninggal dunia di situ.

Selain dari itu, kubur diletak simen. Api-api tidak lagi dinyalakan. Ahli keluarga si mati hanya menghantar

dan ke kubur sehari saja jika dibandingkan dengan enam



Gambar 3.6 Kubur Masyarakat di Sungai Ruil.



Gambar 3.7 : Kubur seorang pengikut agama Kristian di Sungai Ruil.

## 3.5 Kesimpulan

Setiap kebudayaan yang diwarisi mencerminkan identiti dan nilai bangsa itu sendiri. Bagi masyarakat Orang Asli, nilai hidup mereka adalah terletak dalam kebudayaan tradisi yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Kebudayaan adalah keseluruhan cara hidup mereka. Adat perkahwinan dan kelahiran serta kepercayaan dalam kematian di kalangan masyarakat Orang Asli dapat mencerminkan keunikan mereka.

Achom Luji (1984) telah mengatakan bahawa,

"Peradaban hidup masyarakat orang Asli adalah penuh dengan kehalusan budi pekerti dan warisan seni budaya bangsa."

Segala budi pekerti dan warisan budaya adalah ditunjukkan melalui adat dan kepercayaan mereka. Malangnya pengaruh luar telah menyebabkan perubahan dan institusi tersebut turut 'dipermodenkan'. Mereka masih mengamalkan sebahagian tetapi sebahagian lagi dicampur aduk dengan anasir-anasir luar.

Anasir-anasir yang bersangkutan dengan perubahan ialah perhubungan dan pertalian dengan masyarakat yang lain. Pertembungan Orang Asli dengan kaum yang lain menyebabkan perubahan secara mendadak dan tanpa disedari mengakibatkan kejutan perubahan hidup kepada mereka. Dalam proses perubahan yang tidak dijangka ini menyebabkan mereka tidak

Jadual\_3.4\_Pembahagian\_Kependudukan\_Orang\_Asli\_1986\_Pahang.

	Aninisme	Islam	Kristian	Bahari	Lain-lain	Jumlah
Bilangan	23705	701	216	39	32	24693
Kadar	84%	10.7%	4.2%	0.8%	0.1%	100%

Sumber : Ismail Bin Talib, 1989

berupaya menghalang perubahan dan mengekalkan identiti mereka secara mutlak.

Punca kedua penting yang membawa kepada perubahan masyarakat ialah agama. Kepercayaan kepada agama menyebabkan mereka tidak menerima kepercayaan yang diturunkan. Golongan yang beragama pula mempengaruhi golongan yang tidak beragama dan saling tindakbalas tersebut membawa kepada perubahan. Jadual 3.4 menunjukkan pembahagian kepercayaan Orang Asli. Walaupun golongan yang beragama masih kecil iaitu 16% sahaja, peranan mereka sebagai 'perujuk' adalah penting. Golongan yang beragama tersebut khasnya yang beragama Islam berperanan membawa pengaruh dari segi kepercayaan seperti kepercayaan kepada Tuhan.

Oleh yang demikian, masyarakat Orang Asli telah mengalami proses akulturasi yang disebabkan oleh saling tindak dengan masyarakat lain secara berterusan dan dalam jangka masa yang panjang. Identiti mereka menjadi semakin kabur. Kebudayaan mereka terancam dan seterusnya mereka sedang menghadapi krisis yang mungkin meruntuhkan masyarakat ini.